

**Green Electricity Tariff (GET)** ialah solusi berasaskan langganan untuk pengguna mesra alam dan organisasi dengan matlamat *Environmental, Social, and Governance* (ESG) bagi mendapatkan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu bersekali dengan *Malaysia Renewable Energy Certificate* (mREC) untuk kediaman dan perniagaan anda.

Bagi tahun 2024, kuota GET yang tersedia untuk dilanggan adalah sebanyak **6,600 GWj**. Semua pengguna TNB boleh melanggan GET di portal myTNB mulai jam **11.00 pagi, 3 Mei 2024**.

## Ciri-ciri GET

### Pengguna perlu bayar :

- 1) Kadar tarif standard mengikut Jadual Tarif terpakai bagi jumlah penggunaan elektrik bulanan



- 2) Kadar langganan premium GET :

- a) 10 sen/kWj bagi pengguna kediaman dan pengguna bukan kediaman voltan rendah<sup>(i)</sup>
- atau
- b) 20 sen/kWj bagi pengguna bukan kediaman voltan sederhana dan voltan tinggi<sup>(ii)</sup>

(i) Tarif Kediaman A, Perdagangan B, Perindustrian D, Perlombongan F, Pertanian Spesifik H dan Lampu Jalan G1 & G2.

(ii) Tarif Perdagangan C1, C2, C3 & C4, Perindustrian E1, E2 & E3, Perlombongan F1 & F2 dan Pertanian Spesifik H1 & H2.

### Langganan berdasarkan blok :

Anda boleh melanggan dari minimum satu (1) blok dan sehingga 100% daripada purata penggunaan elektrik bulanan



**Pengguna Kediaman**  
1 blok = 100 kWj



**Pengguna Bukan Kediaman**  
1 blok = 1,000 kWj

\*Secara *first-come, first-served* tertakluk kepada penilaian TNB dan baki kuota yang tersedia.

### Tempoh langganan adalah sehingga 31 Disember setiap tahun.

Pembaharuan langganan GET adalah secara automatik setiap tahun untuk tempoh setahun sekiranya tiada pemberhentian langganan dilakukan



\*Terma & syarat terpakai.

\*Semasa tempoh langganan, pengurangan atau penamatian tidak dibenarkan.



Pilihan langganan secara *backdate subscription*\* **bermula 1 Januari 2024**.

\* Pilihan *backdate subscription* akan diberikan untuk langganan yang dibuat pada 3 Mei hingga 31 Mei 2024 sahaja. Caj langganan GET akan dikenakan bagi tempoh *backdate* dari Januari 2024 hingga Mei 2024.

## Manfaat GET

### Pengecualian Caj Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)



Caj ICPT tidak akan dikenakan dalam bil anda mengikut tenaga hijau sebenar yang digunakan (terhad kepada blok GET yang dilanggan).



### Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa

*Malaysia Renewable Energy Certificate* (mREC) akan dikeluarkan selepas berakhir tahun kalender bagi mengesahkan jumlah penggunaan tenaga elektrik hijau yang telah digunakan sepanjang tempoh langganan.

Layari portal myTNB di [www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my) untuk melanggan GET

Untuk maklumat lanjut:

Layari [www.tnb.com.my/get](http://www.tnb.com.my/get)

Hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 | E-mel ke [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my)